



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

**KENYATAAN MEDIA**

**PELANCARAN PELAN STRATEGI KEBANGSAAN BAGI MENANGANI  
PUNCA PERKAHWINAN BAWAH UMUR**

Perkahwinan bawah umur merupakan perkara yang telah lama diamalkan di Negara ini. Sejak mengambil alih tampok kepimpinan Kerajaan, usaha bagi membangunkan Pelan Strategi ini telah dilaksanakan bagi menangani punca perkahwinan bawah umur di Malaysia. Walau bagaimanapun, tidak ramai menyedari kesan negatif perkahwinan bawah umur terhadap kanak-kanak. Seharusnya kanak-kanak diberi peluang untuk merealisasikan potensi mereka untuk masa hadapan yang cerah, selaras dengan obligasi negara terhadap Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (*Convention on the Rights of the Child - CRC*).

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama agensi Kerajaan, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Badan Antarabangsa UNICEF, pakar kanak-kanak dan wakil kanak-kanak telah membangunkan sebuah pelan dinamik untuk menangani punca-punca perkahwinan bawah umur di peringkat akar umbi.

Enam punca utama yang telah dikenal pasti iaitu:

- (i) Punca pendapatan rendah dan kemiskinan;
- (ii) Kekurangan atau ketiadaan akses kepada Pendidikan Kesihatan Reproductif (SRH) dan kemahiran keibubapaan;
- (iii) Kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah yang rendah;
- (iv) Stigma dan norma sosial terhadap perkahwinan bawah umur yang dijadikan sebagai pilihan terbaik dalam masyarakat untuk menyelesaikan masalah;
- (v) undang-undang longgar yang memperuntukkan permohonan berkahwin di bawah 18 tahun; dan
- (vi) penyelarasian data perkahwinan dan perceraian bawah umur.

Sehubungan itu, punca-punca ini akan ditangani melalui perubahan dasar, penambahbaikan perundangan dan pelaksanaan program dan aktiviti kesedaran. Pelan ini telah merangka 7 objektif, 17 strategi serta 58 program dan tindakan bagi menangani punca-punca tersebut dalam tempoh lima tahun akan datang. Sebanyak 61 buah agensi akan terlibat sebagai agensi pelaksana bagi pelbagai program jangka pendek, sederhana dan panjang. Tujuan utama program-program ini dirancang adalah untuk meningkat kesedaran, mengubah persepsi dan stigma yang dikaitkan dengan isu perkahwinan bawah umur di kalangan masyarakat.

Antara program yang terlibat adalah memperkuuh program sokongan sosio-ekonomi dan *outreach* sedia ada, usaha menaikkan had umur minimum perkahwinan kepada 18 tahun bagi kanak-kanak perempuan, menyediakan perkhidmatan kesihatan reproduktif diri yang mesra kanak-kanak dan remaja (lelaki dan perempuan), menawarkan pendidikan TVET dan kemahiran kepada kanak-kanak /belia yang telah tercicir daripada

pendidikan serta memantapkan data perkahwinan dan perceraian (orang Islam dan bukan Islam) termasuk di bawah umur 18 tahun.

Selain itu, sebuah Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur di Malaysia yang dianggotai oleh semua agensi pelaksana akan ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan dan perkembangan program dan tindakan yang dirancang.

Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur Kanak-Kanak yang diusahakan secara kolektif ini diharap akan dapat menangani isu perkahwinan bawah umur daripada terus berlarutan; dan seterusnya memberi kehidupan yang lebih baik demi masa depan kanak-kanak di Malaysia.

**DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT  
PUTRAJAYA  
16 JANUARI 2020**